



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : PENGENALAN KEPADA SAINS
ALAM SEKITAR
KOD KURSUS : BBR 36803
KOD PROGRAM : BBR
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKASURAT

- S1** Bahan-bahan kimia tercemar dalam persekitaran boleh memberikan kesan bahaya kepada struktur dan fungsi ekosistem dan seterusnya kepada manusia.
- (a) Takrifkan toksikologi persekitaran. (2 markah)
- (b) Jelaskan dua (2) sebab utama untuk mengukur kesan ekologi terhadap penggunaan bahan kimia. (6 markah)
- (c) Huraikan proses pengurusan risiko bagi toksikologi persekitaran. (12 markah)
- S2** Teknologi Hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi. Teknologi Hijau juga dilihat mampu mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.
- (a) Berikan dua (2) objektif Dasar Teknologi Hijau Negara. (2 markah)
- (b) Jelaskan tiga (3) kriteria Teknologi Hijau yang digariskan dalam Dasar Teknologi Hijau Negara. (6 markah)
- (c) Dengan menggunakan dua (2) contoh yang sesuai, bincangkan keupayaan sistem teknologi hijau dalam menangani isu bahan kimia tercemar. (12 markah)
- S3** Pemanasan global merujuk kepada peningkatan purata suhu atmosfera permukaan bumi secara global yang berlaku disebabkan oleh aktiviti manusia atau secara semulajadi.
- (a) Senaraikan empat (4) contoh bencana alam yang berlaku kesan daripada pemanasan global. (4 markah)
- (b) Tunjukkan kaitan antara ketidakcekapan pengurusan sisa pepejal dan pertanian secara komersil dengan terjadinya fenomena pemanasan global. (16 markah)

TERBUKA

- S4** “Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974” adalah suatu akta yang berhubung dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.
- (a) Huraikan larangan yang telah diwartakan dalam “Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 29A”.
(8 markah)
- (d) Merujuk kepada “Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 34A”, bagaimanakah anda boleh memastikan ketidakpatuhan yang dinyatakan dalam S4 (a) diambil tindakan sewajarnya.
(12 markah)
- S5** Konsep 3R (*reduce, reuse, recycle*) dibangunkan bagi menambahbaik pengurusan sisa pepejal dan seterusnya mengurangkan bilangan tapak pelupusan sampah terbuka di sesuatu kawasan.
- (a) Huraikan lima (5) isu yang mungkin menjadi limitasi pelajar dalam mempraktikkan konsep 3R di sekolah rendah.
(10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana anda melihat konsep 3R ini boleh menjadi instrumentasi dalam meningkatkan kesedaran pelajar sekolah rendah dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
(10 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA